BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

# SIARAN AKHBAR

**No. Ruj.: 08/16/07**

**EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1200 hari Jumaat, 12 Ogos 2016**

## PERKEMBANGAN EKONOMI DAN KEWANGAN DI MALAYSIA PADA SUKU KEDUA 2016

Pada suku kedua 2016, ekonomi global berkembang pada kadar yang lebih sederhana, dengan momentum pertumbuhan yang tidak sekata di seluruh ekonomi dunia. Pertumbuhan ekonomi maju kekal sederhana dalam keadaan kitaran dan struktur ekonomi yang terus lemah. Di Asia, permintaan dalam negeri terus menyokong pengembangan ekonomi, namun prestasi eksport yang berterusan lemah telah memberikan kesan terhadap pertumbuhan. Walaupun impak awal daripada keputusan pungutan suara (referendum) di United Kingdom berkaitan dengan Kesatuan Eropah (EU) mewujudkan ketidakpastian dan penghindaran risiko yang tinggi, turun naik pasaran kewangan sejak itu telah berkurang. Di tengah-tengah kebimbangan yang berterusan terhadap pertumbuhan dan inflasi yang rendah, beberapa bank pusat utama dan serantau meneruskan pelonggaran dasar monetari untuk menyokong aktiviti ekonomi.

### Ekonomi Malaysia berkembang 4.0% pada suku kedua 2016

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 4.0% pada suku kedua 2016 (S1 2016: 4.2%). Meskipun permintaan dalam negeri meningkat dengan lebih kukuh, pertumbuhan telah menerima kesan daripada eksport bersih yang terus merosot dan pengeluaran stok yang tinggi. Dari segi penawaran, pertumbuhan terus dipacu oleh sektor ekonomi utama. Berdasarkan asas suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi negara mencatat pertumbuhan 0.7% (S1 2016: 1.0%).

**Ekonomi berkembang 4.0% pada suku pertama**
(pada harga malar tahun 2010)




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Aktiviti sektor swasta terus menjadi pemacu utama pertumbuhan dengan kadar pengembangan lebih cepat sebanyak 6.1% pada suku kedua (S1 2016: 4.5%). Penggunaan swasta meningkat 6.3% (S1 2016: 5.3%), disokong oleh pertumbuhan upah dan guna tenaga yang berterusan serta pendapatan boleh guna tambahan hasil daripada pelaksanaan langkah-langkah Kerajaan. Pelaburan swasta berkembang dengan lebih pantas pada kadar 5.6% (S1 2016: 2.2%), didorong terutamanya oleh perbelanjaan modal yang berterusan dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan. Pertumbuhan pelaburan awam kembali pulih untuk mencatat pertumbuhan positif 7.5% (S1 2016: -4.5%), disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan yang lebih tinggi untuk harta tetap oleh Kerajaan Persekutuan dan perbadanan awam. Pertumbuhan penggunaan awam juga bertambah baik pada suku kedua kepada 6.5% (S1 2016: 3.8%) disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan yang lebih tinggi untuk bekalan dan perkhidmatan.

Dari segi penawaran, semua sektor ekonomi terus berkembang, kecuali sektor pertanian. Pertumbuhan sektor perkhidmatan yang lebih tinggi disokong terutamanya oleh perbelanjaan isi rumah yang lebih kukuh, manakala bagi sektor perkilangan, disumbangkan oleh kelompok elektronik dan elektrik. Pertumbuhan sektor pembinaan yang lebih kukuh didorong terutamanya oleh subsektor kejuruteraan awam. Prestasi sektor perlombongan bertambah baik disebabkan terutamanya oleh pengeluaran minyak mentah dan gas asli yang lebih tinggi pada suku tersebut. Pertumbuhan sektor pertanian merosot akibat kesan tertangguh El Niño ke atas pengeluaran minyak sawit mentah.

Inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), menurun kepada 1.9% pada suku kedua 2016 (S1 2016: 3.4%), disebabkan terutamanya oleh luputnya kesan daripada Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang dilaksanakan pada bulan April 2015. Kesemua dua belas kategori IHP mencatat kemerosotan inflasi.

Lebihan perdagangan berjumlah RM17.9 bilion pada suku kedua 2016 (S1 2016: RM23.9 bilion). Pertumbuhan eksport kasar lebih tinggi pada 1.4% (S1 2016: 1.0%), didorong terutamanya oleh kadar penguncupan eksport komoditi yang lebih kecil yang telah mengimbangi pertumbuhan eksport perkilangan yang lebih perlahan. Import kasar mencatat pertumbuhan positif 3.1% (S1 2016: -0.4%), mencerminkan terutamanya import barangan modal yang lebih tinggi dan pertumbuhan import barangan penggunaan yang berterusan.

Pada suku kedua 2016, lebihan akaun semasa menurun kepada RM1.9 bilion, bersamaan dengan 0.6% daripada Pendapatan Negara Kasar (PNK) (S1 2016: RM5.0 bilion atau 1.8% daripada PNK). Lebihan akaun semasa yang lebih rendah ini adalah disebabkan terutamanya oleh lebihan perdagangan yang lebih kecil, pendapatan pelaburan lebih tinggi yang diterima pelabur asing di Malaysia dan pengiriman wang keluar yang berterusan oleh pekerja asing di Malaysia.

Rizab antarabangsa BNM meningkat kepada RM390.4 bilion (bersamaan dengan USD97.2 bilion) pada 30 Jun 2016 (akhir bulan Mac: RM381.5 bilion; USD97.0 bilion). Paras rizab ini telah mengambil kira pelarasan suku tahunan bagi perubahan penilaian semula pertukaran asing. Pada 29 Julai 2016, rizab berjumlah RM391.1 bilion (bersamaan dengan USD97.3 bilion). Paras rizab antarabangsa ini kekal lebih daripada mencukupi untuk membantu transaksi antarabangsa. Paras rizab ini memadai untuk membiayai 8.1 bulan import tertangguh, yang nyata jauh lebih tinggi daripada paras ambang antarabangsa 3 bulan. Paras rizab ini juga mencukupi untuk memenuhi obligasi luaran memandangkan perlindungan rizab kepada hutang luar negeri jangka pendek adalah sebanyak 1.2 kali. Penting untuk diketahui bahawa bukan semua hutang luar negeri jangka pendek memerlukan tuntutan segera terhadap rizab memandangkan peminjam mempunyai aset luaran dan perolehan eksport.

**Kadar faedah kekal stabil**

Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada 3.25% pada suku kedua 2016. Kadar antara bank semalaman purata diniagakan dalam julat koridor OPR, manakala kadar pasaran antara bank

jangka pendek lain dengan tempoh matang sehingga 1 bulan kekal stabil. Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Interbank Offered Rates, KLIBOR) terus menjadi sederhana berikutan berkurangnya keperluan pendanaan jangka panjang oleh peserta antara bank, manakala kadar asas (Base Rate, BR) purata bank perdagangan secara relatif stabil pada 3.83% (S1 2016: 3.79%).

Pada 13 Julai 2016, MPC memutuskan untuk mengurangkan OPR sebanyak 25 mata asas kepada 3.00%. Pelarasan terhadap OPR ini bertujuan untuk menyesuaikan tahap akomodatif dasar monetari agar terus konsisten dengan pendirian dasar untuk memastikan ekonomi dalam negeri terus berada pada landasan pertumbuhan yang stabil dalam keadaan kadar inflasi yang stabil, disokong oleh pengantaraan kewangan dalam ekonomi yang terus kukuh. Keadaan ini berlatarkan persekitaran peningkatan risiko bahawa pertumbuhan global akan menjadi lebih rendah. Berikutan penurunan OPR, KLIBOR 3 bulan menyusut 25 mata asas daripada 3.65% kepada 3.40%. Pada akhir bulan Julai, BR purata wajaran bank perdagangan menurun sebanyak 21 mata asas kepada 3.62% (akhir bulan Jun: 3.83%), dengan kebanyakan bank menurunkan BR antara 20 hingga 25 mata asas. Oleh itu, kadar deposit tetap secara purata merosot sebanyak 18 mata asas untuk tempoh matang 1 tahun atau kurang.

Wang secara luas atau M3 meningkat sebanyak RM7.0 bilion pada asas suku tahunan untuk mencatat pertumbuhan tahunan 1.9% pada akhir bulan Jun (akhir bulan Mac: 0.9%). Peningkatan M3 pada suku tersebut didorong terutamanya oleh pemberian kredit yang berterusan oleh sistem perbankan kepada sektor swasta. Paras lebihan mudah tunai yang ditempatkan di BNM kekal lebih daripada mencukupi dan secara relatif stabil pada suku kedua.

Jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan, institusi kewangan pembangunan (IKP), dan pasaran modal berjumlah RM292.1 bilion (S1 2016: RM290.8 bilion). Pada asas bersih, pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan dan IKP serta terbitan bon korporat terkumpul berkembang 6.9% pada akhir bulan Jun (akhir bulan Mac 2016: 7.5%). Pada asas tahunan, pinjaman perniagaan terkumpul meningkat lebih perlahan pada 3.8% pada akhir bulan Jun (akhir bulan Mac 2016: 4.9%) disebabkan oleh pertumbuhan lebih kukuh dalam pembayaran balik pinjaman berbanding pengeluaran pinjaman. Pertumbuhan pinjaman isi rumah terkumpul menjadi sederhana kepada 6.2% pada asas tahunan pada akhir bulan Jun (akhir bulan Mac 2016: 6.5%), mencerminkan terutamanya pinjaman terkumpul yang lebih sederhana untuk *pembelian harta bukan kediaman, pembelian kereta penumpang, dan pembelian harta kediaman*. Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal meningkat kepada RM33.4

bilion pada suku kedua 2016 (S1 2016: RM25.4 bilion) dengan sebahagian besar daripada dana diperoleh sektor awam.

Ringgit dan kebanyakan mata wang serantau menyusut nilai berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) pada suku kedua disebabkan oleh ketidaktentuan berhubung dengan dasar monetari AS. Ringgit, bagaimanapun, menghadapi tekanan susut nilai yang lebih besar disebabkan turun naik harga minyak mentah dunia yang berterusan dan wajaran lebih rendah yang diberikan kepada beberapa saham Malaysia semasa proses pengimbangan semula Indeks Morgan Stanley Capital International (MSCI) Pasaran Sedang Pesat Membangun. Namun, sebahagian daripada penyusutan nilai ini telah diimbangi pada bulan Jun berikutan timbul semula jangkaan bahawa kenaikan kadar faedah AS akan ditangguhkan berikutan pengumuman data pasaran guna tenaga AS yang lebih lemah daripada jangkaan.

Secara keseluruhan, ringgit menyusut nilai sebanyak 2.5% berbanding dengan dolar AS pada suku kedua. Ringgit juga menyusut nilai berbanding dengan euro (-0.6%) dan yen Jepun (-10.9%), namun menambah nilai berbanding dengan paun sterling (4.3%) dan dolar Australia (0.4%). Ringgit juga menyusut nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau antara 0.4% hingga 3.2%.

**Sistem kewangan domestik kekal berdaya tahan**

Kestabilan kewangan domestik berterusan meskipun terdapat ketidaktentuan global yang berpunca terutamanya daripada perkembangan di RR China dan keputusan referendum berkaitan dengan EU di UK. Di dalam negara, kesan langsung daripada keputusan referendum tersebut ke atas institusi kewangan adalah kecil memandangkan dedahan yang terhad terhadap UK. Turun naik pasaran kewangan domestik meningkat pada 24 Jun 2016, namun kembali lega untuk mengakhiri suku tersebut pada paras di bawah paras yang dicatat pada suku pertama. Secara keseluruhan, keadaan mudah tunai terus menyokong keperluan pembiayaan perniagaan dan isi rumah. Sementara perniagaan dan isi rumah terus membuat penyesuaian terhadap persekitaran yang lebih mencabar dan kos sara hidup yang meningkat, keadaan ini dijangka memberikan impak yang kecil ke atas pendapatan dan kualiti aset institusi kewangan. Dengan adanya sokongan penampan modal yang kukuh, institusi kewangan mempunyai keupayaan untuk menghadapi perkembangan ekonomi dan pasaran yang buruk tanpa menjejaskan pengantaraan kewangan domestik.

Tahap permodalan institusi kewangan kekal kukuh. Nisbah modal ekuiti biasa kumpulan 1 (common equity tier 1 capital) adalah pada 12.9%, manakala

nisbah modal kumpulan 1 dan nisbah jumlah modal masing-masing pada 13.9% dan 16.4%. Lebih 90% daripada modal sistem perbankan terdiri daripada perolehan tertahan, modal berbayar dan rizab dengan keupayaan teguh untuk menyerap kerugian. Nisbah kecukupan modal bagi sektor insurans dan takaful kekal tinggi pada 228.1% (S1 2016: 242.6%). Pada akhir suku kedua, penampan modal institusi kewangan yang digabungkan berjumlah RM153.8 bilion.

**Permintaan dalam negeri akan terus menjadi pemacu utama pertumbuhan**

Melangkah ke hadapan, aktiviti ekonomi global dijangka kekal lembap meskipun langkah pelonggaran dasar monetari dilaksanakan oleh lebih banyak bank pusat negara maju dan serantau. Kadar pengembangan ekonomi maju dijangka terus sederhana manakala di Asia, permintaan dalam negeri akan terus menyokong pertumbuhan. Turun naik pasaran kewangan yang berterusan, yang berpunca daripada kebimbangan yang meningkat terhadap pilihan raya presiden Amerika Syarikat dan risiko penularan politik yang meningkat berikutan keputusan referendum berkaitan dengan EU di United Kingdom boleh dengan nyata menjejaskan pasaran melalui aliran modal antarabangsa. Keadaan ekonomi global secara keseluruhannya telah menjadi semakin mencabar, dengan peningkatan risiko bahawa pertumbuhan akan menjadi lebih perlahan.

Pertumbuhan ekonomi Malaysia diunjurkan antara 4% hingga 4.5%. Permintaan dalam negeri akan terus menjadi pemacu utama pertumbuhan, disokong terutamanya oleh perbelanjaan sektor swasta. Penggunaan swasta dijangka terus berkembang, disokong oleh pertumbuhan berterusan dalam upah dan guna tenaga serta pendapatan boleh guna tambahan hasil daripada langkah-langkah yang dilaksanakan Kerajaan. Walaupun pertumbuhan pelaburan swasta telah menjadi sederhana disebabkan perbelanjaan modal yang lebih rendah dalam sektor minyak dan gas, pelaburan keseluruhan dijangka terus disokong oleh pelaksanaan projek-projek pembangunan infrastruktur serta perbelanjaan modal dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Eksport dijangka kekal lemah ekoran permintaan global yang lembap. Secara keseluruhan, walaupun keadaan dalam negeri kekal berdaya tahan, ketidaktentuan dalam persekitaran luaran boleh meningkatkan risiko bahawa prospek pertumbuhan Malaysia akan menjadi lebih rendah.

**Bank Negara Malaysia**
**12 Ogos 2016**

**GDP by Economic Activity (at constant 2010 prices)**

| | Share 2015 (%) | 2015 | | 2016 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | 2Q | 1H | 1Q | 2Q | 1H |
| | | Annual change (%) | | | | |
| Services | 53.5 | 5.0 | 5.7 | 5.1 | 5.7 | 5.4 |
| Manufacturing | 23.0 | 4.2 | 4.9 | 4.5 | 4.1 | 4.3 |
| Mining | 9.0 | 6.0 | 7.8 | 0.3 | 2.6 | 1.4 |
| Agriculture | 8.9 | 4.6 | 0.3 | -3.8 | -7.9 | -6.0 |
| Construction | 4.4 | 5.6 | 7.6 | 7.9 | 8.8 | 8.4 |
| **Real GDP** | **100.0**[1] | **4.9** | **5.3** | **4.2** | **4.0** | **4.1** |
| **Real GDP (q-o-q seasonally adjusted)** | - | **0.9** | - | **1.0** | **0.7** | - |

[1] Numbers do not add up due to rounding and exclusion of import duties component

*Source: Department of Statistics, Malaysia*

**KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2010)**

| | Bahagian 2015 (%) | 2015 | | 2016 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | S2 | ST1 | S1 | S2 | ST1 |
| | | Perubahan tahunan (%) | | | | |
| Perkhidmatan | 53.5 | 5.0 | 5.7 | 5.1 | 5.7 | 5.4 |
| Perkilangan | 23.0 | 4.2 | 4.9 | 4.5 | 4.1 | 4.3 |
| Perlombongan | 9.0 | 6.0 | 7.8 | 0.3 | 2.6 | 1.4 |
| Pertanian | 8.9 | 4.6 | 0.3 | -3.8 | -7.9 | -6.0 |
| Pembinaan | 4.4 | 5.6 | 7.6 | 7.9 | 8.8 | 8.4 |
| **KDNK Benar** | **100.0**[1] | **4.9** | **5.3** | **4.2** | **4.0** | **4.1** |
| **KDNK Benar (Suku tahunan terlaras secara bermusim)** | - | **0.9** | - | **1.0** | **0.7** | - |

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import

*Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia*

**GDP by Expenditure Components**
(at Constant 2010 prices)

| | Share 2015 (%) | 2015 | | 2016 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | 2Q | 1H | 1Q | 2Q | 1H |
| | | Annual change (%) | | | | |
| Aggregate Domestic Demand (excluding stocks) | **91.6** | 4.6 | 6.3 | 3.6 | 6.3 | 5.0 |
| Private Sector | **69.2** | 5.7 | 7.6 | 4.5 | 6.1 | 5.4 |
| *Consumption* | *52.4* | 6.4 | 7.7 | 5.3 | 6.3 | 5.8 |
| *Investment* | *16.9* | 3.9 | 7.4 | 2.2 | 5.6 | 4.0 |
| Public sector | **22.4** | 0.9 | 1.8 | 0.4 | 6.9 | 3.6 |
| *Consumption* | *13.5* | 6.9 | 5.6 | 3.8 | 6.5 | 5.2 |
| *Investment* | *8.9* | -8.1 | -3.7 | -4.5 | 7.5 | 1.1 |
| Net Exports | **8.6** | -11.1 | -10.5 | -12.4 | -7.0 | -9.8 |
| *Exports of Goods and Services* | *72.9* | -4.0 | -2.4 | -0.5 | 1.0 | 0.2 |
| *Imports of Goods and Services* | *64.3* | -3.1 | -1.1 | 1.3 | 2.0 | 1.6 |
| **GDP** [1] | **100.0** | **4.9** | **5.3** | **4.2** | **4.0** | **4.1** |
| **GDP (q-o-q growth, seasonally adjusted)** | - | **0.9** | - | **1.0** | **0.7** | - |

[1] Numbers do not add up due to rounding and exclusion of stocks
Source: Department of Statistics, Malaysia

**KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan**
(pada harga malar tahun 2010)

| | Bahagian 2015 (%) | 2015 | | 2016 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | S2 | ST1 | S1 | S2 | ST1 |
| | | Perubahan Tahunan (%) | | | | |
| Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok) | **91.6** | 4.6 | 6.3 | 3.6 | 6.3 | 5.0 |
| Sektor swasta | **69.2** | 5.7 | 7.6 | 4.5 | 6.1 | 5.4 |
| *Penggunaan* | *52.4* | 6.4 | 7.7 | 5.3 | 6.3 | 5.8 |
| *Pembentukan Modal Tetap Kasar* | *16.9* | 3.9 | 7.4 | 2.2 | 5.6 | 4.0 |
| Sektor awam | **22.4** | 0.9 | 1.8 | 0.4 | 6.9 | 3.6 |
| *Penggunaan* | *13.5* | 6.9 | 5.6 | 3.8 | 6.5 | 5.2 |
| *Pembentukan Modal Tetap Kasar* | *8.9* | -8.1 | -3.7 | -4.5 | 7.5 | 1.1 |
| Eksport Bersih | **8.6** | -11.1 | -10.5 | -12.4 | -7.0 | -9.8 |
| *Eksport Barangan dan Perkhidmatan* | *72.9* | -4.0 | -2.4 | -0.5 | 1.0 | 0.2 |
| *Import Barangan dan Perkhidmatan* | *64.3* | -3.1 | -1.1 | 1.3 | 2.0 | 1.6 |
| **KDNK**[1] | **100.0** | **4.9** | **5.3** | **4.2** | **4.0** | **4.1** |
| **KDNK (Pertumbuhan suku-ke-suku, pelarasan musim)** | - | **0.9** | - | **1.0** | **0.7** | - |

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian stok

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia